

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(B)15**

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH  
YB GOOI HSIAO-LEUNG**

15. Nyatakan bagaimana insentif-insentif yang dibentangkan oleh Perdana Menteri dalam Belanjawan 2025 akan meningkatkan pertumbuhan industri elektrik dan elektronik (E&E) dan semikonduktor di Pulau Pinang.

**JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI**

15. Kerajaan Negeri bertekad menjadikan Pulau Pinang sebagai peneraju dalam industri teknologi generasi baharu, merangkumi Kecerdasan Buatan Generatif (GenAI) dan Reka Bentuk Litar Terintegrasi (IC) yang merupakan fokus utama dalam *National Semiconductor Strategy* (NSS), *New Industrial Master Plan 2030* (NIMP 2030) dan *Malaysia Digital Economy Blueprint* (MyDIGITAL). Berkaitannya, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan inisiatif transformatif baharu iaitu *Penang Silicon Design @5km+*, yang bertujuan untuk merencanakan aktiviti ekonomi melalui Pembangunan Industri Reka Bentuk Litar Bersepadu (IC) di negeri ini.

Seterusnya, berikut adalah insentif-insentif yang dibentangkan oleh Perdana Menteri dalam Belanjawan 2025 yang akan meningkatkan pertumbuhan industri elektrik dan elektronik (E&E) serta semikonduktor di Pulau Pinang adalah seperti berikut:

**(a) Insentif untuk Pelaburan Berkualiti**

Belanjawan 2025 mengumumkan rangka Insentif Pelaburan Baharu yang bertujuan untuk menarik pelaburan berkualiti dalam sektor E&E dan semikonduktor di Negeri Pulau Pinang. Ini akan menaik taraf industri pembuatan di negeri ini dengan memfokuskan pada pelaburan yang mampu menjalankan aktiviti nilai tambah yang lebih tinggi. Pelaburan baharu yang layak untuk mendapat insentif ini akan mencipta peluang pekerjaan berpendapatan tinggi dan memperkukuh rangkaian bekalan tempatan.

**(b) Peruntukan untuk Industri Semikonduktor**

Sebanyak RM1.0 bilion diagihkan kepada Khazanah untuk menyokong industri semikonduktor tempatan yang mana dijangka memberi impak positif kepada Negeri Pulau Pinang, terutamanya dalam sektor semikonduktor dan elektronik.

Pelaburan ini dijangka akan meningkatkan daya saing dan pertumbuhan industri semikonduktor di Negeri Pulau Pinang serta meningkatkan kapasiti pengeluaran yang dapat memenuhi permintaan global.

**(c) Inisiatif Daya Tahan Rantaian Bekalan**

Belanjawan 2025 turut memperkenalkan Inisiatif Daya Tahan Rantaian Bekalan yang akan memperkukuh kedudukan Negeri Pulau Pinang dalam rantaian bekalan global bagi sektor E&E dan semikonduktor. Ini akan memastikan daya tahan dan pertumbuhan jangka panjang industri semikonduktor di negeri ini, menjadikannya lebih stabil dan mampu menampung permintaan global. Langkah ini juga bertujuan untuk mengurangkan kebergantungan Negeri Pulau Pinang kepada sumber luar.

**(d) Pembangunan Ekosistem yang Relevan**

Pembangunan ekosistem yang relevan turut menjadi fokus di mana geran padanan diperkenalkan untuk menggalakkan pembekal tempatan dalam sektor E&E, bahan kimia khusus dan peranti perubatan. Penubuhan *Penang Integrated*

*Circuit (IC) Design and Digital Park* di Bayan Lepas juga memberikan infrastruktur yang lengkap untuk menyokong aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) syarikat dalam sektor semikonduktor. Ini membuka peluang besar untuk pelaburan baru dalam industri semikonduktor di Pulau Pinang.

**(e) Pembangunan Kumpulan Bakat yang Berkaitan**

Dana pembangunan bakat yang diperuntukkan kepada Universiti Teknologi MARA, Universiti Sains Malaysia, Program TVET dan TalentCorp akan meningkatkan jumlah bakat dalam bidang STEM (Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik) di Negeri Pulau Pinang. Dengan adanya kerjasama Akademi Rekabentuk Cip Pulau Pinang di bawah PSDC, tenaga kerja tempatan akan diberi latihan dalam reka bentuk IC, sekali gus memperkukuh kedudukan Negeri Pulau Pinang sebagai pusat teknologi semikonduktor dan mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing. Ini akan menyokong pertumbuhan dan kemajuan sektor semikonduktor di negeri ini.

Dengan pelbagai insentif ini, Belanjawan 2025 dijangka mempercepatkan pertumbuhan industri E&E dan semikonduktor di

Pulau Pinang, menjadikan negeri ini lebih kompetitif dan berdaya saing di peringkat global.